



## **Kenyataan Media**

### **MUAT NAIK KANDUNGAN JELIK MELAMPAU MELIBATKAN YAB PM: PENGGUNA TIKTOK DISIASAT**

**CYBERJAYA, 22 Julai 2025** -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan siasatan terhadap seorang pengguna aplikasi TikTok yang disyaki memuat naik dua (2) kandungan berunsur palsu dan jelik melampau melibatkan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Kandungan berkenaan dipercayai dimuat naik sebagai reaksi terhadap isu berhubung pesta tidak bermoral di dalam negara serta kenyataan rasmi YAB Perdana Menteri mengenai pemberian insentif penghargaan kepada rakyat. Dalam satu lagi hantaran, individu terbabit turut disyaki membuat tuduhan bersifat palsu dan jelik melampau berhubung lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke luar negara.

Bagi membantu siasatan, MCMC telah merakam keterangan individu terbabit di Ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya pada Isnin, 21 Julai 2025. Turut disita, satu (1) unit telefon bimbit dan satu (1) kad SIM bagi membantu siasatan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan.

MCMC menegaskan bahawa pihaknya tidak akan berkompromi terhadap sebarang penyalahgunaan platform media sosial untuk penyebaran kandungan jelik melampau atau tuduhan tidak berasas, serta akan terus mengambil tindakan tegas demi memelihara ketenteraman awam dan keharmonian negara.

## LAMPIRAN GAMBAR



Rakaman percakapan diambil di Ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
**T:** + 60 3 86 88 80 00 | **F:** + 60 3 86 88 10 00 | **E:** corporate.communications@mcmc.gov.my | **W:** www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV